



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA


BULETIN FSG UiTM SABAH
BIL.5 / EDISI JAN 2020

e-ScientificNews

VISION 2020

Challenge no.6:

Establishing a scientific and
progressive Society



MASYARAKAT SAINTIFIK

Masyarakat yang membuat
keputusan dan mengambil
tindakan berdasarkan ilmu yang
benar

VISION 2030


Restructuring Economy, Addressing
inequalities and Nation-Building



HNY 2020

"FSG (UiTM) Sabah mengucapkan HNY2020 kepada semua Mahasiswa/I dan Staf FSG. Teruskan komitmen masing-masing untuk terus memberi manfaat kepada manusia sejagat dalam semua bidang. Sudah tentu kerja baik itu akan menyumbang kepada diri, organisasi, negara dan dunia secara keseluruhan. Terima kasih"

Dr Ajis Lepit
KPP FSG




HUTAN KITA


Pelestarian Sumber

Hutan kita perlu diletakkan dalam perspektif yang istimewa untuk mendokong Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Kerana hutan kita adalah khazanah istimewa. Sidang Kemuncak Bumi Rio, Brazil pada 3-14 June 1992 memutuskan bahawa setiap negara harus memperuntukkan kawasan lindungan hutan berkekalan di setiap negara sekurang-kurangnya 50% dari keluasan tanah masing-masing. Ini menjadi garis panduan umum dalam mengekalkan pengurusan lestari sumber hutan di seluruh dunia. Mengikut perangkaan perhutanan Malaysia 2018, Secara makro, Semenanjung Malaysia mengekalkan 43.68% kawasan berhutan, Sabah (61.14%) dan Sarawak (62.90%). Secara keseluruhan Malaysia masih mempunyai kawasan lindungan hutan 54.81%. Iaitu 4.81% di atas deklarasi Rio 1992.

Data-data mikro tentang situasi sebenar hutan di Malaysia harus diteliti secara cermat. Kerana ia berkaitan langsung dengan status semasa sumber-sumber alam negara, ia berkaitan langsung dengan pengurusan sumber air, ia berkaitan dengan demografi penduduk, pembangunan infrastruktur baharu dan penjanaaan sumber-sumber kekayaan baharu. Ia juga berkaitan dengan sumber tenaga, pengurusan pertanian lestari dan teknologi terkini.



Komposisi (%) Hutan Malaysia (2018)





Perspektif PASCA REVOLUSI INDUSTRI 4.0

Tidak dinafikan Revolusi Industri 4.0 akan mencorak kehidupan dan peradaban dunia *unilateral*. Iaitu gaya hidup, citra, budaya dan penampilan yang *homogen* merentas sempadan geografi kenegaraan. Sudah tentu mempunyai pro dan kontranya sendiri. Dihujung RI4.0 ini adalah ketepuan teknologi.

Oleh itu pasca Revolusi Industri 4.0 didefinisikan sebagai ketepuan teknologi dan ketepuan *Artificial Intelligent* (AI) menyelubungi dunia maya secara holistik. Fenomena ini membawa persoalan bagaimana situasi Pasca RI4.0?

Sekurang-kurangnya ada dua perspektif berkaitan Pasca RI4.0. Perspektif yang pertama mendokong faham bahawa Pasca Revolusi Industri 4.0 akan ada seterusnya RI5.0, RI6.0 dan lain-lain. Sifatnya tetap sama, iaitu ada peneraju dan pemain teknologi dan pengguna/pelanggan teknologi.

Iaitu penemuan dan trend baharu dalam dunia sains dan teknologi pasca AI akan terus berkembang.

Dari perspektif kedua pula, mendokong faham bahawa akan berlaku gerakan massa keluar dari belenggu ketepuan teknologi dan kembali kepada kehidupan nyata dan *alami*. Iaitu membina satu sistem baharu yang bersifat paradok kepada teknologi semasa. Kerana mereka percaya bahawa teknologi telah mengganggu/menceroboh wilayah jaminan keselamatan individu, mengganggu ketenteraman kehidupan individu, dan kehilangan "*privacy*". Lalu mereka membebaskan diri dari belenggu "*digital*" dan dunia maya. Mereka menyediakan persekitaran dan sistem sokongan tersendiri. Golongan ini mendokong faham bahawa teknologi telah tersasar jauh sehingga menjadi pemusnah kepada kemanusiaan dan peradaban.